

Mahkamah Rayuan tolak permohonan Dr Mahathir

BH - 26/2/2019 m/s: 18

Putrajaya: Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengemukakan permohonan ke Mahkamah Persekutuan supaya mahkamah itu menjawab persoalan berhubung tindakan undang-undang diambilnya bagi mencabar pelantikan bekas Ketua Hakim Negara, Tun Md Raus Sharif dan bekas Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Zulkefli Ahmad Makinudin.

Persoalan itu adalah sama ada isu berkenaan kini menjadi akademik (bukan isu yang hidup) kerana kedua-dua individu terbabit sudah meletak jawatan.

Peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mewakili Dr Mahathir dalam hujahannya di Mahkamah Rayuan semalam, berkata rayuan dikemukakan pihaknya untuk mendapatkan kebenaran memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar pelantikan Md Raus dan Zulkefli, patut ditolak.

Beliau berkata, Mahkamah Persekutuan pada 25

September 2018 memutuskan isu itu kini menjadi akademik (bukan isu yang hidup) kerana kedua-dua mereka sudah meletak jawatan.

“Kami meminta rayuan ini ditolak dan kami akan pergi ke Mahkamah Persekutuan untuk memfailkan permohonan bagi memohon kebenaran mengemukakan beberapa persoalan mengenai isu itu,” katanya.

Mohamed Haniff turut memohon kedua-dua rayuan difailkan anak guamnya ditolak berikutan Datuk Seri Najib Razak, selaku responden pertama dalam rayuan itu, tidak lagi menjadi Perdana Menteri.

Rayuan ditolak

Panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan diketuai Datuk Abdul Rahman Sebli bersama-sama Datuk Mary Lim Thiam Suan dan Datuk Hasnah Mohammed Hashim kemudian sebulat suara menolak rayuan itu tanpa perintah berhubung kos.

“Kami berpandangan responden pertama tidak

lagi Perdana Menteri dan tidak berada pada kedudukan yang boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong melalui perintah dipohon dalam permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman ini, jadi permohonan ini menjadi berlebihan dan sia-sia seperti diakui secara tulus oleh Mohamed Haniff sendiri,” kata Abdul Rahman.

Keadaan sudah berubah

Peguam Kanan Persekutuan Alice Loke Yee Ching dalam hujahannya berkata, isu itu menjadi akademik kerana keadaan sudah berubah disebabkan Najib bukan Perdana Menteri bagi membolehkannya membatalkan pelantikan itu.

Peguam Steven Thiru bagi pihak Badan Peguam sebagai *amicus curiae* (sahabat mahkamah) pula berkata, isu terbabit masih hidup kerana perintah dipohon Dr Mahathir dalam permohonan semakan kehakimannya masih belum diputuskan mahkamah.